



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Percetakan Warta Kerajaan

(Pindaan Pada 15 Julai 2019)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 7.10	PEROLEHAN PERCETAKAN WARTA KERAJAAN	2
1.	Kaedah dan Had Nilai	2
2.	Syarat Perolehan.....	2
3.	Jawatankuasa Penilaian.....	2
4.	Pesanan Kerajaan.....	2
5.	Surat Setuju Terima	2
6.	Bon Pelaksanaan	3
7.	Dokumen Perjanjian	3
8.	Tarikh Kuat Kuasa	3

PK 7.10 PEROLEHAN PERCETAKAN WARTA KERAJAAN**1. Kaedah dan Had Nilai**

- 1.1 Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus bagi percetakan Warta Kerajaan Persekutuan dan Negeri dengan Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai dan tempoh masa serta diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis.

2. Syarat Perolehan

- 2.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- 2.2 Kajian pasaran adalah dikecualikan.
- 2.3 Tatacara rundingan harga adalah dikecualikan.
- 2.4 Percetakan dokumen selain yang dinyatakan di perenggan 1.1 hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

3. Jawatankuasa Penilaian

- 3.1 Agensi dikecualikan daripada menubuhkan Jawatankuasa Penilaian.

4. Pesanan Kerajaan

- 4.1 Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan berdasarkan inbois manual yang dikeluarkan oleh PNMB dalam tempoh 14 hari setelah semua perkhidmatan percetakan selesai dilaksanakan.

5. Surat Setuju Terima

- 5.1 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

6. Bon Pelaksanaan

- 6.1 Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan melebihi RM200 ribu sama ada bermasa atau *one-off*.

7. Dokumen Perjanjian

- 7.1 Agensi dikecualikan daripada mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai. Agensi hendaklah memastikan semua obligasi PNMB telah disempurnakan sebelum bayaran dilakukan.

8. Tarikh Kuat Kuasa

- 8.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai 15 Julai 2019.